

SOALAN NO.: 228

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN NG WEI AIK
KAWASAN : TANJONG**

SOALAN:

YB. TUAN NG WEI AIK minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jalan-jalan persekutuan yang telah diwartakan di Negeri Pulau Pinang, panjang bagi setiap Jalan Persekutuan serta peruntukan-peruntukan yang disediakan bagi penyelenggaraan setiap jalan tersebut.

78.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat panjang Jalan Persekutuan di Negeri Pulau Pinang yang telah diwartakan sehingga kini ialah sepanjang 190km. Bagi tahun 2017, jumlah peruntukkan sebanyak **RM8.55 juta** telah diluluskan untuk penyenggaraan Jalan Persekutuan Negeri Pulau Pinang termasuk penyenggaraan rutin. Dari jumlah tersebut, sebanyak **RM4.0 juta** diperuntukkan bagi penyelenggaraan kerja-kerja berkala pavemen di Jalan Persekutuan Negeri Pulau Pinang seperti perincian di Jadual 1.

BIL.	NAMA JALAN DAN NO. LALUAN	JUMLAH KOS (RM)
i.	Jalan Butterworth – Ipoh, Laluan FT001	1,900,000.00
ii.	Jalan Mengelilingi Pulau, Laluan FT006	600,000.00
iii.	Jalan Bayan Lepas - Pekan Air Hitam, Laluan FT220	450,000.00
iv.	Jalan Masuk ke Stesen VHF Bukit Bendera, Laluan FT280	700,000.00
v.	Jalan Permatang Pauh di Laluan FT3111	350,000.00
	JUMLAH	4,000,000.00

Manakala maklumat panjang setiap jalan yang telah diwartakan serta perincian peruntukan penyelenggaraan Jalan Persekutuan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2017 ialah seperti di Jadual 2.

BIL.	NAMA JALAN DAN NO. LALUAN	PANJANG JALAN YANG DIWARTAKAN (km)
A. Jalan Utama Persekutuan		
i.	Jalan Butterworth sehingga Sungai Petani di Laluan FT001	23.20
ii.	Jalan Butterworth sehingga Ipoh di Laluan FT001	38.76
iii.	Jalan Mengelilingi Pulau Pinang di Laluan FT006	62.33
iv.	Jalan Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan di Laluan FT149	2.70
v.	Jalan Pa Thau sehingga Pa Boi, Seberang Perai Selatan di Laluan FT150	2.46
vi.	Jalan Bayan Lepas sehingga Pekan Air Hitam di Laluan FT220	16.60
vii.	Persimpangan Jalan Paya Terubong sehingga Pekan Air Hitam di Laluan FT221	3.30
B. Jalan Masuk ke Institusi Persekutuan		
viii.	Jalan Masuk ke Stesen VHF Bukit Bendera di Laluan FT280	7.65
ix.	Jalan Tun Dr Awang di Laluan FT281	5.56
x.	Jalan Trankrian sehingga Bukit Panchor di Laluan FT282	2.45
xi.	Jalan Trankrian di Laluan FT283	3.15
C. Jalan Masuk ke Kawasan Perindustrian		
xii.	Jalan Telaga Air sehingga Seberang Perai Utama di Laluan FT3110	0.80
xiii.	Jalan Permatang Pauh di Laluan FT3111	9.60
xiv.	Jalan Perusahaan Seberang Perai Tengah di Laluan FT3112	3.20
xv.	Jalan Persisir Pantai (Lebuhraya Bayan Lepas) di Laluan FT3113	4.70

xvi.	Lebuhraya Kg. Jawa di Laluan FT3114	1.58
x	Jalan Mayang Pasir di Laluan FT3115	2.21
	Jumlah Keseluruhan Panjang Jalan Persekutuan Negeri Pulau Pinang yang diwartakan (km)	190.25

Sekian, terima kasih.